

<b>Headline</b>	<b>Malaysia buru tempat ke final</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>13 Jan 2017</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Page No</b>	<b>61</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>734 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>MUHAMMAD</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 57,365</b>		



Sedia rebut dua tiket automatik ke saingan Separuh Akhir WHL pada Jun depan

# Malaysia buru tempat ke final

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY  
BADLISHAH

**S**KUAD hoki wanita negara mengintai peluang untuk mara ke final pada aksi Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia (WHL) yang membuka tirainya di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur esok.

Berbekalkan kelebihan selaku tuan rumah, skuad wanita yang diberi gelaran *Malaysia Tigress* tidak rela terlepas tiket secara automatik untuk layak ke pusingan Separuh Akhir WHL yang dijadualkan berlangsung sama ada di Belgium atau Afrika Selatan pada Jun depan.

Ketua jurulatih, Muhammad Dhaarma Raj Abdullah membenarkan bayangan bahawa anak-anak buahnya berpeluang untuk merealisasikan hasrat tersebut sekiranya mara ke peringkat suku akhir sebagai juara Kumpulan B, sekali gus bertemu pasukan tercorot daripada Kumpulan A.

B e g i t u p u n , Dhaarma Raj se-dar halangan utama buat

skuad kendaliannya ialah pasukan yang menduduki ranking No. 16 dunia, Ireland berbanding dua lagi lawan dalam saingan Kumpulan B iaitu Kazakhstan (33) dan Hong Kong (37).

"Impian kami adalah mahu layak ke pusingan seterusnya (Separuh Akhir WHL 2017) tetapi ia bukan tugas mudah kerana dua pencabar utama kami iaitu Ireland dan Itali (Kumpulan A) mempunyai kekuatan tersendiri.

"Saya banyak mengikuti perkembangan dua pasukan ini dan mereka sudah lama melakukan persiapan untuk menghadapi kejohanan ini. Satu lagi pasukan dari Kumpulan A iaitu Wales juga tidak boleh dipandang mudah."

"Walaupun ia tugas sukar, namun kami tetap mahu melangkah ke final sebagai langkah selamat untuk layak ke pusingan seterusnya (Separuh Akhir WHL)," kata Dhaarma Raj pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan tajaan

daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta syarikat DG Securities di Hotel Concorde, Kuala Lumpur semalam.

Dhaarma Raj turut menjelaskan bahawa pasukan yang meraih tempat ketiga juga berpeluang mara ke Separuh Akhir WHL nanti, namun perlu menunggu keputusan pada dua lagi aksi Pusingan Kedua WHL di Valencia, Sepanyol (Mac) dan West Vancouver, Kanada (April).

Ini kerana hanya dua pasukan tempat ketiga terbaik daripada tiga venue Pusingan Kedua WHL itu akan diberikan slot ke pusingan Separuh Akhir WHL.

Disebabkan itu, Dhaarma Raj enggan mengambil risiko dan dia menyasarkan layak ke final, sekali gus merebut tiket secara automatik dengan mempertaruhkan kebolehan yang ada pada 18 pemain terpilih menggalas cabaran negara pada kejohanan kali ini.

*Malaysia Tigress* yang menghuni ranking ke-21 dunia akan memulakan kempen Pusingan Kedua WHL menentang Hong Kong

esok diikuti pertemuan getir menentang Ireland, Isnin depan sebelum melengkapkan aksi Kumpulan B berdepan Kazakhstan se-

hari kemudian.

Saingan Kumpulan A pula terdiri daripada pasukan No. 15 dunia, Itali; Thailand (31), Wales (32) dan Singapura (43).

Sebagai rekod, Pusingan Kedua WHL dan Separuh Akhir WHL merupakan pusingan kelayakan ke Piala Dunia Wanita 2018 di London.

Terdahulu, Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal merakamkan penghargaan kepada TNB serta syarikat DG Securities kerana tampil untuk menaja penganjuran WHL kali ini.

Pada majlis tersebut, TNB yang diwakili Pengurus Besarnya, Datuk Omar Sidek menyerahkan tajaan berjumlah RM100,000 manakala DG Securities yang menyumbang RM30,000 diwakili Pengarahnya, Seniljit Singh.

Tajaan tersebut adalah untuk penganjuran Pusingan Kedua WHL 2017 yang mana Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah.

Headline	Malaysia buru tempat ke final		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	13 Jan 2017	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	61
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	734 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 57,365		

## INFO

### SENARAI 18 PEMAIN MALAYSIA

1. FARAH AYUNI YAHYA (PENJAGA GOL)
2. MAS HUZAIMAH MD. AZIZ (PENJAGA GOL)
3. SITI NOOR AMARINA RUHANI (KAPTEN/PERTAHANAN)
4. JULIANI MOHAMAD DIN (PERTAHANAN)
5. SITI SHAHIDA SAAD (PERTAHANAN)
6. NURUL SAFIQAH MAT ISA (PERTAHANAN)
7. RAJA NORSHARINA RAJA SHABUDDIN (PERTAHANAN/TENGAH)
8. FATIN SHAFIKA MAHD. SUKRI (PERTAHANAN/TENGAH)
9. NURAINI ABDUL RASHID (TENGAH)
10. NOR HASLIZA MD. ALI (TENGAH)
11. SURIZAN AWANG NOH (TENGAH)
12. NORAZLIN SUMANTRI (TENGAH)
13. FAZILLA SYLVESTER SILIN (TENGAH/PENYERANG)
14. HANIS NADIAH ONN (PENYERANG)
15. NURUL NABIHAH MANSUR (PENYERANG)
16. WAN NORFAIEZAH MD. SAIUTI (PENYERANG)
17. SITI RAHMAH OTHMAN (PENYERANG)
18. NURASLINDA SAID (PENYERANG)

### PUSINGAN KEDUA LIGA HOKI DUNIA

#### JADUAL PERLAWANAN

##### ESOK

Kumpulan A

Itali lwn Wales - 1.45 petang

Thailand lwn Singapura - 4 petang

##### Kumpulan B

Ireland lwn Kazakhstan - 6.15 petang

Malaysia lwn Hong Kong - 8.30 malam

(Semua perlawanan di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Dutamas)



OMAR SIDEK (tiga dari kiri) menyerahkan replika cek tajaan kepada Subahan (tiga dari kanan) pada satu majlis di ibu negara semalam.



PENGARAH DG Securities, Seniljit Singh (tiga dari kiri) menyampaikan tajaan kepada Subahan.

Headline	Malaysia buru tempat ke final		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	13 Jan 2017	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	61
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	734 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 57,365		



BARISAN pemain skuad hoki wanita negara bergambar kenangan dengan para pegawai MHC dan pihak penaja selepas majlis penyerahan tajaan di sebuah hotel di ibu negara semalam.